

14 OCT 2002

Mahathir-Inggeris

DR MAHATHIR TERKILAN DENGAN SIKAP RAKYAT BERKENAAN PELAJARAN

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau terkilan dengan sikap sesetengah masyarakat yang sukar menerima cadangan kerajaan untuk memajukan bidang pendidikan melalui penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains.

Beliau berkata cadangan kerajaan itu bukan untuk menganiayai mana-mana pihak, tetapi untuk melihat rakyat pelbagai kaum di negara ini bersama-sama bergerak secara seimbang mencapai kemajuan dalam pendidikan.

"Tapi apa jadi kepada bangsa saya? Bangsa kita?" katanya semasa berucap merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata rakyat seharusnya bersikap pragmatik dan tidak terlalu mengikut emosi dalam menentukan apa yang terbaik untuk mereka dan negara.

"Fikir. Walaupun kita perlu mempunyai emosi dan perasaan sayang kepada sesuatu tapi fikirkanlah dengan bijak. Jangan biarkan emosi mengabui fikiran kita ketika membuat keputusan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata masyarakat di negara ini bebas mengamalkan budaya, agama dan bahasa ibunda masing-masing.

Bagaimanapun beliau berkata dengan perkembangan ilmu yang pesat, setiap kaum harus melakukan pengorbanan demi memastikan rakyat tidak terus ketinggalan.

"Kita tahu ini zaman sains dan teknologi dengan (mata pelajaran) Hisab (Matematik) jadi satu pelajaran penting yang kita boleh belajar dalam bahasa sendiri. Tetapi perkembangan ilmu dalam bahasa lain begitu pesat sekali sehingga kita tidak boleh belajar," katanya.

Dr Mahathir berkata buku-buku dan jurnal dalam pelbagai bidang yang ditulis oleh pakar masing-masing banyak dikeluarkan tetapi terbatas kepada masyarakat negara ini kerana ia ditulis dalam bahasa Inggeris.

"Saya akui kita punyai perkataan yang cukup untuk terjemahan dan kalau tidak cukup kita boleh cipta perkataan. Tetapi untuk cipta perkataan kita perlu tiga kemahiran iaitu jika kita nak terjemah dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, kita mesti pakar dalam bahasa Inggeris, pakar dalam bahasa Melayu dan akhirnya pakar dalam bidang yang berkenaan.

"Kita boleh buat, tapi apakah kita boleh terjemah semua ilmu yang sedang diguna sekarang?" katanya.

Beliau juga membidas sikap sesetengah pihak yang kononnya bimbang anak-anak mereka akan hilang identiti bangsa kerana belajar bahasa Inggeris.

"Kita tidak akan jadi orang putih kerana anak-anak kita belajar bahasa Inggeris," katanya sambil memberi contoh diri beliau sendiri yang telah melalui alam pendidikan aliran Inggeris tetapi masih kekal dengan sifat kemelayuan.

Dr Mahathir berkata sekiranya perubahan tidak dilakukan, hasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 tidak akan tercapai.

"Kalau kita jadi pun hanya separuh saja, separuh lagi akan terus miskin," katanya.

-- BERNAMA

NM MAM NMO